

21 DEC 2000

Mahathir-yatim

ANAK-ANAK YATIM TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 21 Dis (Bernama) -- Kebajikan anak-anak yatim di negara ini adalah tanggungjawab masyarakat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kehidupan anak-anak yatim di negara kita perlulah seperti anak-anak yang mempunyai ibu bapa dan adalah tanggungjawab masyarakat supaya matlamat ini tercapai," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata selagi ada kesanggupan di kalangan masyarakat, kehidupan anak-anak ini yang kurang bernasib baik dapat sedikit sebanyak dibaiki.

"Apabila yang kurang bernasib ini ditolong, bila mereka membesar nanti, mereka pula akan menolong orang lain dan ini akan mewujudkan satu masyarakat yang penyayang," kata Dr Mahathir pada majlis penyampaian bantuan Hari Raya dan persekolahan kepada anak-anak sekitar Wilayah Persekutuan di sebuah hotel di sini.

Majlis itu turut dihadiri oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Abdul Hamid Othman.

Sebanyak 352 anak yatim menerima RM80 seorang untuk bantuan Hari Raya dan antara RM200 dan RM250 bagi bantuan persekolahan seorang.

Dr Mahathir juga berkata anak-anak yatim perlu bersyukur dan berterima kasih terhadap bantuan yang dihulurkan oleh masyarakat.

"Jangan terima ajaran yang mengatakan kita tidak perlu berterima kasih kepada orang yang menolong kerana bantuan itu datang dari Tuhan...walaupun bantuan itu datang dari Tuhan, ada orang yang berbudi menolong kita dan kita patut berterima kasih kepada mereka juga," katanya.

Beliau berkata jika sikap berterima kasih di kalangan golongan yang kurang bernasib tidak wujud, maka dermawan yang ingin menolong juga akan berkurangan.

-- BERNAMA

SR AR MAI